

Bengkel Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir: Keberkesanannya Terhadap Kursus Makroekonomi di Institusi Pendidikan TVET

Faezah Kamisan^{1*}, Nor Suraini Mohd Hassan¹, Ani Liza Abd Rahman¹

¹ Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah, Muadzam Shah, Pahang, Malaysia

* Pengarang Koresponden: faezahk@pms.edu.my

Received: 24 February 2024 | Accepted: 10 May 2024 | Published: 1 June 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.2.7>

Abstrak: Pensyarah di institusi pengajian tinggi (IPT) memainkan peranan penting dalam membangunkan individu yang berpendidikan tinggi. Mereka seharusnya berusaha secara aktif untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, menggunakan pelbagai pendekatan, strategi, kaedah dan teknik untuk meningkatkan pemahaman pelajar. Faktor-faktor ini boleh memberi kesan ketara kepada pencapaian akademik pelajar di IPT, khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Walau bagaimanapun, jabatan akademik sering bimbang tentang kefahaman rendah pelajar terhadap kursus teras seperti Makroekonomi, yang telah menyebabkan kemerosotan prestasi akademik dan peningkatan dalam bilangan pelajar yang mengulang kursus ini. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengumpul maklum balas pelajar tentang keberkesanan bengkel yang direka untuk membantu penyediaan peperiksaan akhir bagi kursus Makroekonomi dan menilai keberkesanan bengkel sebagai kaedah pengajaran. Kajian ini melibatkan 54 orang pelajar semester dua yang mengambil kursus Makroekonomi di Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah. Borang soalselidik maklumbalas, sebelum dan selepas bengkel digunakan sebagai alat pengumpulan data manakala analisis deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar setelah bengkel dilaksanakan, serta penurunan jumlah pelajar yang mengulang. Cadangan kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan melibatkan pelajar daripada semua politeknik di Malaysia yang mengambil kursus Makroekonomi.

Kata kunci: Macroekonomi, Kaedah Pengajaran, Bengkel Menjawab Soalan, Kefahaman, Pencapaian Akademik

Abstract: Lecturers at higher education institutions (HEIs) play a crucial role in developing highly educated individuals. They must actively work to improve the quality of teaching and learning, using various approaches, strategies, methods, and techniques to enhance student understanding. These factors can significantly impact student academic achievement in HEIs, particularly in Technical and Vocational Education and Training (TVET) fields. However, academic departments are often concerned about students' low comprehension of core courses like Macroeconomics, which has led to declining academic performance and an increase in the number of students repeating these courses. Consequently, a study was conducted to gather student feedback on the effectiveness of a workshop designed to assist with final exam preparation for the Macroeconomics course and to evaluate the workshop's effectiveness as a teaching method. This study involved 54 second-semester students taking the Macroeconomics course in the Department of Commerce, Muadzam Shah Polytechnic. Feedback questionnaires were used as a data collection tool before and after the workshops, while descriptive analysis

was used to address the research questions. The findings indicated an improvement in students' academic achievement after the workshops were conducted, as well as a decrease in the number of students repeating the course. Further research suggestions include involving students from all polytechnics in Malaysia taking the Macroeconomics course.

Keywords: Macroeconomics, Teaching Methods, Exam Question Workshop, Understanding, Academic Achievement

1. Pendahuluan


Di setiap Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), pensyarah harus aktif dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pensyarah memainkan peranan penting dalam melaksanakan proses PdP bersama pelajar dengan mengembangkan pengetahuan dan meningkatkan mutu pengajaran. Oleh kerana itu, pensyarah perlu menekankan kaedah dan teknik pengajaran yang terbaik sebelum memulakan proses PdP bagi memastikan keberkesanan penyampaian pengajaran tercapai. Penggunaan kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai dapat meningkatkan minat dan fokus pelajar, serta meningkatkan kefahaman, pengetahuan, kecekapan dan kemahiran pelajar seterusnya menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar. (Moşteanu, 2021; Rudzi, 2021). Kini, pelbagai kaedah dan teknik pengajaran boleh digunakan untuk melaksanakan aktiviti PdP, antaranya adalah kaedah perbincangan dan latihan. Pada dasarnya, perbincangan boleh dilaksanakan melalui seminar atau bengkel. Seminar atau bengkel merujuk kepada program yang melibatkan penceramah dan sekumpulan pelajar. Seminar lebih sesuai untuk pelajar dewasa yang dikatakan memiliki kematangan intelektual. Melalui seminar yang dijalankan, pelajar secara tidak langsung diberi latihan untuk merancang, mengelola dan mengumpul maklumat yang disampaikan. Perbincangan berlaku setelah sesi ceramah diselesaikan di mana pelajar diberi peluang untuk bertanyakan soalan dan penceramah berperanan untuk memberi penjelasan dan membuat rumusan. Manakala, latihan pula merujuk kepada soalan-soalan yang diberikan oleh pensyarah kepada pelajar setelah selesai mengajar topik-topik tertentu. Latihan diberikan bertujuan untuk menggilap kemahiran dan kefahaman pelajar. Oleh itu, gabungan seminar dan latihan berpotensi menjadi kaedah dan teknik pengajaran yang efektif. Namun, untuk menentukan kaedah dan teknik pengajaran bagi kursus seperti Macroeconomics bukanlah sesuatu yang mudah. Kursus Macroeconomics merupakan kursus teras yang perlu diambil oleh semua pelajar semester dua (2) di bawah Jabatan Perdagangan Politeknik Malaysia. Di Politeknik Muadzam Shah, pelajar yang terlibat dengan kursus ini adalah pelajar daripada program Diploma Akauntansi (DAT) dan Diploma Pengajian Perniagaan (DPM).

Di Politeknik Muadzam Shah, prestasi pencapaian pelajar dalam kursus Macroeconomics telah menunjukkan penurunan dan tidak konsisten untuk tiga (3) semester berturut-turut bermula dari sesi pengajian 2:2021/2022 hingga sesi 2:2022/2023. Data Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) menunjukkan penurunan berlaku untuk pencapaian dua CLO (*Course Learning Outcome*) iaitu CLO1 dan CLO02C. Berdasarkan data tersebut, purata pencapaian keseluruhan pelajar untuk CLO1 dan CLO02C berada dalam lingkungan 50% hingga 59%. Peratusan ini merupakan yang terendah berbanding dengan kursus lain yang ditawarkan oleh Jabatan Perdagangan. Penilaian yang melibatkan pengukuran CLO1 dan CLO02C adalah penilaian *Quiz*, *Test* dan peperiksaan akhir. Berdasarkan silibus kursus Macroeconomics, sebahagian besar penilaian kerja kursus dan peperiksaan akhir adalah menguji CLO02C. Data ini telah menunjukkan bahawa pelajar mengalami masalah dalam menjawab penilaian-penilaian yang berkaitan dengan baik terutamanya *Test* dan peperiksaan akhir. Jadual 1

menunjukkan purata pencapaian keseluruhan pelajar selama tiga sesi pengajian. Manakala Graf di Rajah 1 pula menunjukkan perbandingan peratus purata pencapaian keseluruhan pelajar antara tiga sesi pengajian bagi pelajar DAT dan DPM .

Jadual 1: Laporan Course Outcome Review Report (CORR) DPB20033 Macroeconomics

Program / Sesi / CLO	Group Attainment Program DPM			Group Attainment Program DAT		
	CLO1	CLO2	CLO3	CLO1	CLO2	CLO3
Sesi 2:2021/2022	58%	46%	83%	59%	61%	86%
Sesi 1:2022/2023	48%	59%	82%	49%	61%	81%
Sesi 2:2022/2023	52%	46%	72%	58%	56%	84%
Purata Pencapaian CLO	53%	50%	79%	55%	59%	84%



Rajah 1: Graf Laporan Course Outcome Review Report (CORR) DPB20033

Keadaan menjadi semakin membimbangkan apabila peratusan pelajar bagi program DPM yang mendapat gred C ke atas menurun dengan ketara. Jadual 2 menunjukkan peratusan pelajar yang mendapat gred C dan ke atas bagi ketiga-tiga sesi pengajian. Penurunan peratusan gred ini menunjukkan peningkatan bilangan pelajar yang gagal dan mengulang kursus.

Jadual 2: Peratusan pencapaian Gred C dan ke atas

Program / Sesi	Sesi 2:2021/2022	Sesi 1:2022/2023	Sesi 2:2022/2023
Diploma Akauntansi (DAT)	80.3%	64.7%	80.6%
Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	59.4%	56.5%	42.4%

Selain itu, Jadual 3 menunjukkan pertambahan bilangan pelajar yang gagal dan mengulang kursus iaitu daripada 5 orang pelajar kepada 19 orang pelajar pada sesi 2:2022/2023. Isu pertambahan jumlah pelajar yang mengulang kursus Macroeconomics sering diketengahkan semasa mesyuarat peperiksaan di Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah. Meskipun banyak usaha telah dilakukan oleh pensyarah kursus untuk mengatasi masalah ini, namun pencapaian pelajar masih berada pada tahap yang rendah.

Jadual 3: Bilangan pelajar mengulang kursus DPB20033

Program / Sesi / Mengulang	Sesi 2:2021/2022			Sesi 1:2022/2023			Sesi 2:2022/2023		
	C1	C2	C3	C1	C2	C3	C1	C2	C3
Diploma Akauntansi (DAT)	2	-	-	1	-	-	6	-	-
Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	3	-	-	6	-	-	11	2	-
Jumlah pelajar mengulang kursus	5			7			19		

Petunjuk: C1: Mengulang kursus kali pertama; C2: Mengulang kursus kali kedua; C3: Mengulang kursus kali ketiga

Dari segi literatur, kajian-kajian sebelum ini banyak membahaskan tentang kaedah dan teknik pengajaran untuk kursus-kursus teknikal dan bahasa seperti matematik (Sabtu & Ainuddin, 2022), perakaunan (Zhao, 2019), kejuruteraan (Hartikainen, et. al, 2019), dan Bahasa Inggeris (Turgunova & Abdurahimovna, 2023). Namun kajian terhadap kursus Makroekonomi yang merangkumi kaedah dan teknik pengajaran yang efektif masih kurang mendapat perhatian terutamanya dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia, khususnya dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET).

Justeru, berdasarkan hujahan sebelum ini berkenaan dengan gabungan seminar dan latihan sebagai kaedah dan teknik pengajaran serta isu-isu yang dihadapi, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan bengkel menjawab soalan peperiksaan akhir daripada pelajar yang mengambil kursus Macroeconomics di Politeknik Muadzam Shah serta mengenalpasti potensi bengkel tersebut sebagai kaedah dan teknik pengajaran yang efektif. Diharapkan hasil kajian ini akan memberi kesan yang positif kepada institusi terutamanya kepada pensyarah kursus dan pelajar.

2. Sorotan literatur

Kursus DPB20033 Macroeconomics merupakan kursus teras disiplin bagi pelajar semester dua di bawah program DPM dan DAT di Politeknik Muadzam Shah, Pahang, Malaysia. Untuk membolehkan pelajar mendaftar kursus Macroeconomics, pelajar wajib lulus kursus DPB10013 Microeconomics yang diambil pada semester pertama. Jumlah jam kredit bagi kursus Macroeconomics adalah 3 jam kredit dan 4 jam pertemuan seminggu. Penilaian kerja kursus yang dinilai adalah melibatkan *Quiz* (2), *Test* (1), *End of Chapter* (2), dan *Problem Scenario* (1). Pemberat penilaian berterusan (PB) dan penilaian akhir (PA) adalah 50% bagi PB dan 50% adalah PA. Kursus Macroeconomics merupakan kursus berstruktur iaitu, melibatkan komponen pengiraan dan teori. Untuk mencapai skor yang baik dalam kursus ini, pelajar perlu memahami teori, menguasai konsep pengiraan dan membuat latihan untuk topik pengiraan.

Selain itu, peranan pensyarah sangat penting dalam membantu pelajar memahami dan menguasai topik yang diajar di dalam kelas. Oleh itu, pelbagai kaedah boleh diterapkan untuk memastikan pelajar dapat memahami dan menguasai topik-topik yang disampaikan oleh pensyarah dengan mudah serta dapat menjawab soalan penilaian kerja kursus dengan baik dan seterusnya berjaya mendapat keputusan yang baik. Kepelbagaian teknik dan kaedah dalam menjawab peperiksaan dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman mereka dan dapat membantu mereka untuk mendapat skor yang tinggi dalam peperiksaan akhir. Kajian yang dijalankan oleh Baird & Narayanan (2010) menunjukkan bahawa bengkel yang berasaskan kuliah dan tutorial telah membantu meningkatkan pencapaian pelajar berbanding dengan kaedah konvensional. Kajian oleh Kucharčíková et al., (2015) menyatakan bahawa pendidik

perlu memahami kaedah yang sesuai untuk menarik minat pelajar dalam kursus *Macroeconomics* supaya pelajar lebih tertarik dan termotivasi untuk belajar.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Kannan & Kunhikannan (2021) kaedah bengkel teknik menjawab soalan dapat membantu pelajar untuk memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan akhir. Ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Sabtu & Ainuddin (2022) yang menunjukkan bahawa bengkel pengukuhan memberikan peningkatan yang positif terhadap keputusan peperiksaan pelajar. Malahan kajian oleh Dowd et., al (2015) telah menyatakan bahawa pelajar yang mengikuti bengkel penulisan telah mencapai keputusan yang lebih baik berdasarkan penilaian yang telah dibuat.

Beberapa kajian lain, termasuklah Arcos-Alonso et al., (2022), Jain (2006), dan Izci (2016) telah menyimpulkan bahawa kaedah pembelajaran yang diterapkan oleh pengajar seharusnya konsisten agar pelajar dapat memahami mata pelajaran yang diajar dan mencapai prestasi yang baik dalam mata pelajaran tersebut. Kajian yang telah dibuat oleh Jain, (2006) juga menyokong bahawa bengkel berasaskan soalan tutorial dapat memberi manfaat dan membantu pelajar dalam menjawab soalan peperiksaan. Alauddin & Foster (2005) juga menyatakan bahawa kaedah dalam pembelajaran subjek Ekonomi haruslah konsisten dan pembelajaran secara berkumpulan dapat membantu pelajar dalam memahami mata pelajaran tersebut.

Oleh itu, berdasarkan kajian – kajian sebelum ini, pelaksanaan Bengkel Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir untuk kursus *Macroeconomics* di Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah sangat penting bagi pelajar untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap kursus *Macroeconomics* ini. Bengkel ini menyediakan kaedah penyelesaian masalah, teknik menjawab soalan dengan betul mengikut kehendak soalan serta pembelajaran secara dalam kumpulan.

3. Metodologi

Kajian ini melibatkan pelajar di Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah, Pahang, Malaysia. Pelajar yang mengambil kursus DPB20033 *Macroeconomics* untuk sesi 1:2023/2024 dipilih sebagai sampel kajian. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat adalah seramai 54 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus *Macroeconomics* untuk kali pertama dan pelajar yang mengulang kursus yang terdiri daripada pelajar semester 2 dan semester 3. Semua pelajar yang terlibat juga merupakan peserta Bengkel Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir “Quick Strategies for *Macroeconomics* Students”. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kajian tinjauan sebagai kaedah pengumpulan data. Bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pengumpulan maklumat, instrumen borang soal selidik telah dibangunkan dan diedarkan secara atas talian (Raja, 2018). Aplikasi penyampaian pesanan “WhatsApp” telah digunakan untuk menghantar maklumat mengenai tujuan dan matlamat kajian ini dilaksanakan. Item-item dalam soal selidik dibangunkan berdasarkan kesesuaian kandungan kursus *Macroeconomics* dan telah disemak oleh penyelar Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersil Politeknik Muadzam Shah, Pahang, Malaysia. Borang soal selidik telah diberikan kepada pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan bengkel. Maklum balas daripada pelajar juga dikumpulkan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan bengkel yang dilaksanakan. Borang soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A, yang merangkumi latar belakang responden dan Bahagian B melibatkan objektif kajian. Skala Likert digunakan dalam borang soal selidik dengan skor dari sangat tidak setuju (1) hingga sangat setuju (5). Proses analisis data menggunakan perisian SPSS versi 21 (*Statistical Package for the Social Sciences*) dengan menggunakan kaedah deskriptif, termasuk frekuensi,

peratusan, purata dan perbandingan jumlah pelajar yang mengulang kursus bagi sesi 1:2023/2024 dan tiga sesi sebelumnya. Pengukuran kategori purata adalah berdasarkan skor 0.00 hingga 2.99 (rendah), 3.00 hingga 3.99 (sederhana), 4.00 hingga 5.00 (tinggi) (Zaimah & Sum 2023).

4. Dapatan/Analisis Kajian

Seramai 54 orang responden telah memberikan maklumnalas terhadap *pre-test*, *post-test* dan maklum balas mengenai bengkel yang diadakan berdasarkan borang soal selidik yang telah disediakan. Bahagian ini akan memaparkan hasil kajian yang diperolehi setelah dianalisis berdasarkan kepada objektif kajian.

4.1 Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan responden perempuan yang lebih ramai iaitu 74% (40 orang) berbanding responden lelaki, yang jumlahnya sebanyak 26% (14 orang). Responden terdiri daripada kalangan pelajar bagi program DPM dan DAT iaitu 24 orang daripada kelas DPM2A, 18 orang daripada kelas DPM2B dan 12 orang daripada gabungan kelas mengulang kursus yang terdiri daripada kedua-dua program.

4.2 Analisis *Pre-Test* dan *Post-Test*

Jadual 4 menunjukkan analisis *pre-test* dan *post-test* bagi bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan akhir yang dijalankan untuk kursus Macroeconomics. Soal selidik ini menilai tujuh item bagi melihat perubahan sebelum dan selepas bengkel dijalankan. Hasil analisis keputusan *post-test* menunjukkan peningkatan dengan nilai purata skor min adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.2778 berbanding dengan keputusan *pre-test* dengan nilai purata skor min adalah 2.5662. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju dan berpuashati dengan teknik dan kaedah yang digunakan semasa bengkel menjawab soalan dijalankan. Item kedua menunjukkan kebanyakan pelajar bersetuju bahawa topik yang terdapat dalam kursus ini melibatkan banyak teori dan formula. Silibus kursus yang digunakan adalah yang telah diluluskan oleh Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan pensyarah perlu akur dengan kandungan kursus yang diedarkan. Secara keseluruhannya, bengkel yang dilaksanakan ini berjaya membantu pelajar untuk memahami dan menguasai kandungan kursus Macroeconomics dengan baik.

Jadual 4: Analisis *Pre-Test* dan *Post-Test*

Item	<i>Pre-Test</i>			<i>Post-Test</i>			
	Min	SP	Status	Min	SP	Status	
1	Macroeconomics adalah kursus yang mudah difahami.	2.2407	0.51157	Rendah	4.2593	0.44234	Tinggi
2	Setiap topik mempunyai banyak teori dan formula.	4.1111	0.81650	Tinggi	4.1481	0.65610	Tinggi
3	Saya dapat memahami semua topik teori dengan mudah.	2.2407	0.43155	Rendah	4.2593	0.44234	Tinggi
4	Saya dapat memahami semua konsep pengiraan dengan mudah.	2.3889	0.49208	Rendah	4.2778	0.59611	Tinggi
5	Saya mampu membuat nota berdasarkan pemahaman saya sendiri.	2.3704	0.48744	Rendah	4.3889	0.52903	Tinggi
6	Saya mampu menjawab soalan berdasarkan penjelasan daripada pensyarah.	2.2963	0.46091	Rendah	4.2778	0.62696	Tinggi
7	Saya mampu menjawab semua soalan yang diberikan berdasarkan pemahaman saya sendiri.	2.3148	0.54337	Rendah	4.3333	0.58277	Tinggi
	Purata	2.5661	0.53477	Rendah	4.2778	0.55366	Tinggi

4.3 Analisis maklumbalas bengkel

Soal selidik mengenai maklum balas pelaksanaan bengkel menjawab soalan telah diberikan kepada pelajar setelah bengkel selesai. Terdapat lapan item soalan dibentuk untuk menilai keberkesanan bengkel, termasuklah kaedah serta pelaksanaannya. Analisis data dari Jadual 5 menunjukkan nilai purata skor min adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.3264. Ini menunjukkan bengkel menjawab soalan dapat membantu pelajar memahami kursus Macroeconomics dan sebagai persediaan kepada mereka untuk menghadapi peperiksaan akhir. Oleh kerana itu, bengkel menjawab soalan yang dilaksanakan ini boleh dianggap sebagai kaedah dan teknik pengajaran yang efektif dalam membantu pelajar memahami sesuatu kursus.

Jadual 5: Maklumbalas Bengkel

	Item	Min	Sisihan Piawai	Status
1	Saya merasakan kursus Macroeconomics adalah sangat mudah.	3.9630	0.84592	Sederhana
2	Saya lebih memahami keperluan soalan yang diberikan.	4.2778	0.71154	Tinggi
3	Saya mampu memenuhi kriteria pemarkahan.	4.2963	0.69035	Tinggi
4	Saya lebih yakin untuk menjawab semua soalan peperiksaan akhir dengan baik.	4.2963	0.71717	Tinggi
5	Saya lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan akhir.	4.2037	0.71056	Tinggi
6	Peningkatan pengetahuan/pemahaman berbanding sebelum ini.	4.4444	0.63444	Tinggi
7	Pensyarah menunjukkan kaedah dan strategi menjawab soalan dengan betul.	4.5370	0.63582	Tinggi
8	Secara keseluruhannya bengkel ini berjaya dan memberi bermanfaat.	4.5926	0.63002	Tinggi
	Purata	4.3264	0.69698	Tinggi

4.4 Perbandingan keputusan peperiksaan

Jadual 6 menunjukkan perbandingan pencapaian keseluruhan pelajar dari sesi 2: 2021/2022 hingga sesi 1:2023/2024. Data menunjukkan adanya penurunan dalam pencapaian CLO1 yang merangkumi soalan-soalan berbentuk teori bagi pelajar DPM dan DAT. Namun, terdapat peningkatan dalam pencapaian CLO02C yang terdiri daripada soalan-soalan pengiraan oleh pelajar DPM dan sedikit penurunan pencapaian oleh pelajar DAT.

Jadual 6: Laporan Course Outcome Review Report (CORR) DPB20033 Macroeconomics

Program / Sesi / CLO	Group Attainment Program DPM			Group Attainment Program DAT		
	CLO1	CLO02C	CLO03A	CLO1	CLO02C	CLO03A
Sesi 2:2021/2022	58%	46%	83%	59%	61%	86%
Sesi 1:2022/2023	48%	59%	82%	49%	61%	81%
Sesi 2:2022/2023	52%	46%	72%	58%	56%	84%
Sesi 1:2023/2024	49%	67%	70%	49%	53%	71%

Jadual 7 pula menunjukkan peratusan pelajar yang mendapat gred C dan ke atas untuk dua sesi pengajian iaitu sesi 2:2022/2023 dan sesi 1:2023/2024. Peratusan ini menunjukkan peningkatan pelajar yang mendapat gred C dan ke atas pada sesi 1:2023/2024.

Jadual 7: Gred C dan ke atas

Program / Sesi	Sesi 2:2022/2023	Sesi 1:2023/2024
Diploma Akauntansi (DAT)	80.6%	83.3%
Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	42.4%	50%

Peningkatan peratusan gred ini menunjukkan penurunan jumlah pelajar yang gagal dan mengulang kursus. Jadual 8 menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang gagal dan mengulang kursus telah berkurang daripada 19 orang pelajar kepada 10 orang pada sesi 1:2023/2024. Meskipun masih ada pelajar yang mengulang, namun jumlahnya telah berkurangan.

Jadual 8: Perbandingan bilangan pelajar mengulang

Program / Sesi / Mengulang	Sesi 2:2021/2022			Sesi 1:2022/2023			Sesi 2:2022/2023			Sesi 1:2023/2024		
	C1	C2	C3	C1	C2	C3	C1	C2	C3	C1	C2	C3
Diploma Akauntansi (DAT)	2	-	-	1	-	-	6	-	-	-	-	-
Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	3	-	-	6	-	-	11	2	-	8	2	-
Jumlah pelajar mengulang kursus Macroeconomics	5			7			19			10		

5. Perbincangan dan kajian hadapan

Secara keseluruhannya, analisis data yang diperoleh menunjukkan bahawa bengkel menjawab soalan peperiksaan akhir untuk kursus DPB20033 Macroeconomics sangat efektif bagi pelajar yang mengambil kursus tersebut pada sesi 1:2023/2024. Hal ini terbukti melalui hasil analisis data *pre-test*, *post-test* dan maklumbalas yang diberikan kepada pelajar serta perbandingan keputusan peperiksaan pada sesi 1:2023/2024. Analisis menunjukkan bahawa pemahaman pelajar terhadap kursus ini mengalami peningkatan yang tinggi (nilai purata min 4.3264) setelah menyertai bengkel menjawab soalan peperiksaan akhir tersebut.

Bagi pencapaian CLO, pelaksanaan bengkel menjawab soalan peperiksaan akhir telah membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam menjawab soalan-soalan pengiraan dan meningkatkan pencapaian keputusan kursus Macroeconomics. Pelajar telah dapat memahami konsep-konsep dalam kursus Macroeconomics dengan baik setelah mempelajari teknik menjawab soalan pengiraan dengan betul. Selain itu, keputusan peperiksaan akhir juga menunjukkan penurunan kadar bilangan pelajar yang mengulang kursus ini. Oleh itu, bengkel ini boleh diteruskan kerana memberi impak yang tinggi dalam diri pelajar yang menyertainya. Selain itu, bengkel ini memberi peluang pelajar mengetahui dengan lebih terperinci kaedah peruntukan markah serta kaedah menjawab soalan yang cepat dan tetap.

Walau bagaimanapun, penguasaan pelajar terhadap soalan-soalan berbentuk teori masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Ini berkaitan dengan rendahnya pemahaman pelajar terhadap topik-topik teori dalam kursus Macroeconomics yang dianggap mempunyai fakta-fakta yang sukar untuk difahami dan diingati. Meskipun pelajar telah diberikan panduan mengenai cara menjawab soalan, namun mereka masih mengalami masalah dalam menguasai teknik mengulangkaji bagi topik-topik teori tersebut.

Oleh itu, kesinambungan dalam mewujudkan aktiviti praktikal untuk kursus-kursus yang berasaskan teori diperlukan untuk membantu para pelajar memahami dan memperolehi hasil pembelajaran yang lebih baik. Penganjuran bengkel ini perlu diteruskan dan dilaksanakan pada setiap semester bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kaedah dan teknik menjawab soalan dengan betul. Institusi juga perlu menyediakan platform tambahan seperti program kem motivasi serta aktiviti-aktiviti tambahan yang dapat meningkatkan kemahiran pelajar.

Bagi cadangan kajian masa hadapan, pengkaji disarankan untuk mengenalpasti tahap kelemahan pelajar sama ada dalam topik teori atau pengiraan. Pelajar perlu dikategorikan mengikut tingkat penguasaan topik teori atau topik pengiraan. Hal ini bagi memudahkan pensyarah memberi penekanan terhadap topik-topik yang berkenaan.

Penghargaan

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua responden yang terlibat secara langsung dan telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah Jabatan Perdagangan, Politeknik Muadzam Shah, Pahang, Malaysia kerana turut sama membantu secara tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Alauddin, M., & Foster, J. (2005). Teaching Economics at the University Level: Dynamics of Parameters and Implications.
- Arcos-Alonso, A., Garcia-Alvarez, M., & Azpuru, A. G. (2022). Macroeconomics and active methodologies in higher education: A possible pairing and a possible binomial. *Cypriot Journal of Educational Sciences*, 17(1), 193-204.
- Baird, K. M., & Narayanan, V. (2010). The effect of a change in teaching structure on student performance. *Asian Review of Accounting*, 18(2), 148-161.
- Dowd, J. E., Connolly, M. P., Thompson Jr, R. J., & Reynolds, J. A. (2015). Improved reasoning in undergraduate writing through structured workshops. *The Journal of Economic Education*, 46(1), 14-27.
- Hartikainen, S., Rintala, H., Pylväs, L., & Nokelainen, P. (2019). The concept of active learning and the measurement of learning outcomes: A review of research in engineering higher education. *Education Sciences*, 9(4), 276.
- Izci, K. (2016). Internal and External Factors Affecting Teachers' Adoption of Formative Assessment to Support Learning. *Online Submission*, 10(8), 2774-2781.
- Jain, A. (2006). Students' Perceptions Of Workshop Based Introductory Macroeconomics Tutorials: A Survey. *Economic Papers: A journal of applied economics and policy*, 25(3), 235-251.
- Jason E. Dowd, M. P. (2015). Improved Reasoning in Undergraduate Writing through Structured Workshops. *The Journal of Economic Education*, 14-27.
- Kannan, B., Pillai, R. V., & Kunhikannan, S. K. (2021). Keberkesanan Pelaksanaan Bengkel Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(1), 51-72.
- Kucharčíková, A., Ďurišová, M., & Tokarčíková, E. (2015). The role plays implementation in teaching macroeconomics. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 174, 2489-2496.
- Moşteanu, N. R. (2021). Teaching and learning techniques for the online environment. how to maintain students' attention and achieve learning outcomes in a virtual environment using new technology. *International Journal of Innovative Research and Scientific Studies*, 4(4), 278-290.
- Raja, T. (2018). Online tools for data collection. In *Education 5.0: Perspectives and Previews Tamil Nadu: Tamil Nadu: St. Xavier's College of Education*
- Rudzi, R. M. (2021). Pengaruh Peranan Pensyarah Terhadap Minat Dan Kecenderungan Pelajar Dalam Subjek Perakaunan. In *4th International Virtual Conference on Economics, Entrepreneurship and Management (4 th ICEEM)* (pp. 1-13).
- Sabtu, M., & Ainuddin, N. F. (2022). Keberkesanan Bengkel Penguatan Matematik Sebagai Inisiatif Meningkatkan Pencapaian Kursus Matematik Di Kalangan Pelajar Politeknik Kuala Terengganu. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 4(3),

199-208.

- Turgunova, F., & Abdurahimovna, R. S. (2023). Interactive Teaching Methods In English Classes. 5(5).
- Venkateshwaran, K. M. (2010). The Effect of a Change in Teaching Structure on Student Performance. *Asian Review of Accounting*, 148-161.
- Yogica, R., Muttaqiin, A., & Fitri, R. (2020). Metodologi pembelajaran: strategi, pendekatan, model, metode pembelajaran. IRDH Book Publisher.
- Zaimah, R., & Sum, S. M. (2023). Tahap Pengurusan Kewangan Generasi Milenial. *International Journal of Social Science Research*, 5(1), 47-59.
- Zhao, F. (2019). Using Quizizz to integrate fun multiplayer activity in the accounting classroom. *International Journal of Higher Education*, 8(1), 37-43.